



SIARAN MEDIA

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

“INSENTIF KHAS PERCUMA RM50 DAN CABUTAN BULANAN RM10,000 MANFAAT UNTUK PELAJAR TAHUN 1 2017”

(INSENTIF KHAS GERAN SEPADAN)

1. **YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia** semasa **pembentangan Bajet 2017** yang lalu telah mengumumkan bahawa **Kerajaan menyediakan pemberian Insentif Khas Geran Sepadan** bagi simpanan terkumpul sehingga **RM50** dalam akaun **SSPN-i/ SSPN-i Plus** kepada pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan.
2. Ini bermakna bermula **1 Januari 2017** mana-mana ibu bapa atau penjaga yang membuat simpanan untuk anak-anak mereka yang merupakan pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan akan menerima tambahan keistimewaan iaitu simpanan percuma bernilai **RM50**. Untuk itu, peruntukan sebanyak **RM25juta** telah disediakan untuk diberikan secara percuma kepada mereka yang layak.
3. Ibu bapa juga amat bertuah apabila Perdana Menteri Malaysia, semasa pembentangan **Bajet 2018** juga telah mengumumkan bahawa bagi menggalakkan budaya menabung untuk pendidikan, **RM250** juta disediakan kepada **500,000** kanak-kanak berumur 7 tahun hingga 12 tahun dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (**SSPN**) yang akan dijenamakan semula sebagai **Skim Simpanan Pendidikan 1Malaysia (SSP1M)** kelolaan PTPTN ini. **Geran Sepadan** secara **PERCUMA** sebanyak **RM500** akan diberikan kepada mereka yang mempunyai jumlah simpanan sekurang-kurangnya **RM500** pada tahun hadapan.

4. Ia jelas menunjukkan keperihatinan dan betapa seriusnya Kerajaan untuk menggalakkan budaya menabung melalui SSPN ini di mana pada Bajet 2018 Kerajaan telah memperuntukkan Geran Sepadan sebanyak RM250 juta iaitu 10 kali ganda berbanding RM25 juta pada tahun 2017.

(SUMBANGAN RM50 TAMBAHAN SIMPANAN PERCUMA RM50)

5. Seramai 300 pelajar Tahun 1 di sekolah bantuan penuh Kerajaan melibatkan 26 buah sekolah di Parlimen Nibong Tebal telah menerima sumbangan RM50 daripada Yang Berbahagia Dato' Ir. Dr. Shaik Hussein Mydin. RM50 lagi tambahan akan diberikan oleh Kerajaan melalui PTPTN sebagai insentif khas Geran Sepadan.
6. Usaha pemberian sumbangan ini sewajarnya dipuji dan seharusnya menjadi ikutan di lain-lain kawasan di Pulau Pinang khususnya dan seluruh Malaysia amnya. Ini kerana pelajar-pelajar Tahun 1 2017 yang menerima sumbangan RM50 ini bukan hanya menerima RM50 tetapi akan juga menerima tambahan simpanan secara PERCUMA daripada Kerajaan melalui PTPTN sebanyak RM50. Ia menjadikan simpanan keseluruhan berjumlah RM100.
7. PTPTN juga amat mengalu-alukan badan-badan korporat untuk turut sama memberikan sumbangan kepada pelajar Tahun 1 kerana pelajar tersebut akan menikmati tambahan simpanan RM50 secara PERCUMA pada tahun 2017 ini.

(CABUTAN BULANAN RM10,000 KEPADA PELAJAR TAHUN 1)

8. Bagi menggalakkan lagi usaha penabungan di kalangan ibu bapa yang mempunyai anak Tahun 1 pada tahun 2017 ini, PTPTN juga telah menganjurkan Cabutan Bulanan melalui Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN. Ibu bapa yang mempunyai anak Tahun 1 pada tahun ini dan membuka akaun atau membuat tambahan simpanan sama ada di dalam akaun SSPN-i atau SSPN-i Plus sebanyak RM50 akan berpeluang memenangi hadiah utama RM10,000 pada setiap bulan bermula Julai hingga Disember 2017. Manakala saguhati juga diberikan kepada 100 pendeposit sebanyak RM100.00 pada setiap bulan.

9. Dengan hadiah yang cukup menarik disediakan oleh PTPTN kepada ibu bapa yang mempunyai anak Tahun 1, maka semua **ibu bapa pelajar Tahun 1** perlu **merebut peluang dengan membuka akaun atau menambah simpanan di dalam akaun SSPN-i/ SSPN-i Plus pada tahun ini.**

(SSPN-i/ SSPN-i PLUS PELAN SIMPANAN TERBAIK)

10. Kewujudan SSPN-i/ SSPN-i Plus sememangnya merupakan suatu anugerah kepada rakyat Malaysia kerana instrumen ini merupakan **pelan simpanan terbaik** yang disediakan untuk rakyat yang bergelar **warganegara Malaysia.**
11. Rakyat Malaysia yang beragama Islam juga tidak perlu kluatir kerana skim simpanan pendidikan daripada PTPTN ini adalah produk yang sentiasa berpandukan kepada sistem kewangan yang **patuh syariah**, selain simpanannya yang **dijamin oleh Kerajaan.**
12. Dengan menabung bagi tujuan simpanan pendidikan, masa depan anak-anak akan terjamin kerana memperoleh **perlindungan takaful yang amat murah dan komprehensif.** Jadi sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini kepada ibu bapa seperti kematian atau keilatan kekal, masa depan pendidikan anak-anak akan terjamin sekiranya menyimpan dalam skim simpanan PTPTN ini kerana ianya mempunyai perlindungan takaful.
13. Kadar dividen yang diberikan adalah amat kompetitif berbanding yang diberikan oleh lain-lain institusi kewangan. Sehingga kini, **kadar dividen yang diberikan pernah mencecah sehingga 4.25%.**
14. Ibu bapa yang membuat penabungan pula diberikan **pelepasan taksiran cukai sehingga RM12,000 setahun.** Pelepasan taksiran cukai yang diberikan ini membuktikan bahawa ternyata skim simpanan ini amat istimewa. Kesemua manfaat ini, jika dikira memberi **pulangan sehingga 28% kepada pendeposit.**
15. Sehingga **30 September 2017**, terdapat sebanyak **3.10 juta akaun** dibuka dengan **jumlah deposit simpanan sebanyak RM2.94 bilion.** Bagi negeri **Pulau Pinang** pula, sehingga **30 September 2017**, pembukaan akaun adalah sebanyak **156,496 akaun** dengan jumlah deposit simpanan sebanyak **RM241.04 juta.**

(TABUNG PENDIDIKAN)

16. Fungsi **PTPTN** bukanlah hanya memberikan pinjaman semata-mata tetapi juga sebagai **institusi penabungan pendidikan melalui SSPN-i/ SSPN-i Plus**. PTPTN tidak seharusnya dilihat sebagai pemberi pinjam dan pengutip hutang semata-mata tetapi sebaliknya dilihat sebagai **TABUNG PENDIDIKAN untuk rakyat Malaysia**, sebagaimana Lembaga Tabung Haji dilihat untuk mengerjakan haji dan KWSP dilihat untuk simpanan apabila telah bersara. Maka, sekiranya ingin melihat anak-anak berjaya mendapat pendidikan tinggi, ada **PTPTN - TABUNG PENDIDIKAN Anda**.
17. **Menabung sekarang** untuk pendidikan masa akan datang adalah merupakan satu **tindakan yang amat bijak berbanding hanya bergantung sepenuhnya kepada pinjaman**. Dengan **penabungan sedari awal**, **graduan pada masa hadapan akan hanya mempunyai hutang pendidikan yang minimum**.
18. Orang ramai boleh **membuka akaun SSPN-i/ SSPN-i Plus pada bila-bila masa** dengan **mudah** hanya diujung jari **secara online** melalui **www.lovesspn.com**.